



# KURSUS BAAM SESI 2/2022



IBA-KIAS telah menganjurkan Kursus Bahasa Arab Ammiyah Mesir (BAAM) yang diadakan selama 4 hari, bermula 24 Ogos 2022 sehingga 27 Ogos 2022. Kelas dijalankan secara intensif, dari jam 8.30 pagi sehingga 10:00 malam dan dibahagikan kepada 4 sesi setiap hari.

Yuran pengajian termasuk penginapan, adalah RM250.



## Tenaga pengajar:

- Ustaz Abdul Sattar al-Misri – Pensyarah Jabatan B. Arab KIAS
- Dr. Abdel Ghany al-Misri – Pensyarah UMK.
- Ustaz Bouzid al-Tunisi - Pensyarah Jabatan B. Arab KIAS
- Ustaz Mohd Rofizi Bin Dollah- Pensyarah Jabatan B. Arab KIAS
- Dr. Mohd Azhar bin Abdullah - Pengarah IBA



## Subjek BAAM:

- Qawa'id al-Lughah al-Ammiyyah
- Al-Muhadathah al-Ammiyyah
- Maharah al-Istima' li al-Ammiyyah
- Al-Hayah al-Misriyyah

Pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat (MAIK) yang terlibat seramai 13 orang telah berjaya menyertai kursus ini. Mereka begitu gembira menerima sijil penyertaan kursus pada 27 Ogos 2022 daripada pengarah IBA-KIAS.



# TESTIMONI



"Saya tak menyesal join BAAM kerana banyak ilmu baru dipelajari" - Amin



"Ana syorkan kepada pelajar ingin ke Mesir mengikuti kursus BAAM ini"- Huzaifah



" Saya lebih percaya diri dan bersedia ke Mesir." - Syameel



" Ana berharap kursus ini diteruskan." - Amzar



Ustaz Mohd Sukeri B Mohd Nor, Pengetua MTQ-MAIK mengucapkan syabas kepada siswa yang memaparkan semangat yang tinggi untuk menyambung pengajian ke Mesir pada Oktober 2022 yang masyhur dengan Bahasa Amiyah kerana sanggup menyertai kursus BAAM, walaupun dalam kesibukan masa untuk bersama keluarga.

Kursus ini memperjelas dialek Mesir yang digunakan dalam komunikasi harian dan membina kemahiran komunikasi bagi meningkatkan keyakinan berinteraksi menggunakan dialek Mesir. Kursus BAAM ini adalah kali ke 4 ditawarkan, khusus kepada pelajar yang akan menyambung pengajian ke Mesir. Lazimnya kursus ini diadakan pada bulan Julai-Ogos setiap tahun.

Dr. Mohd Azhar Bin Abdullah  
Pengarah IBA-KIAS



# MAKLUMBALAS

- 87% pelajar setuju dengan susunan jadual yang bersesuaian.
- 100% pelajar setuju dengan suasana pembelajaran yang kondusif.
- 75% pelajar setuju akan mengesyorkan kawan-kawan untuk menyertai program ini pada masa hadapan.
- 87% pelajar setuju dengan pengisian program yang sesuai.
- 100% pelajar setuju penyampaian yang baik dan berkesan daripada para pengajar.

# CADANGAN

- Menambah kursus/subjek berkaitan nahu, saraf dan balaghah secara ringkas agar para pelajar dapat menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab secara menyeluruh.
- Terus menganjurkan program ini pada masa hadapan, terutama bagi pelajar yang ingin menyambung pengajian ke Mesir.
- Mengadakan kursus khas bagi persediaan menghadapi ujian *imtihan qabul* bagi melayakkan memasuki kuliah.



## INSTITUT BAHASA ANTARABANGSA (IBA)-KIAS

"Sahabat Bahasa Anda"

09 712 9386 / 011 19030888

iba.kias.kel@gmail.com

Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu Kelantan.

IBA menawarkan kursus bahasa-bahasa bagi pelajar dan orang awam.